

PROGRAM BULAN PERKHIDMATAN PEMBAYAR CUKAI (BPPC) TAHUN 2010

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa LHDNM akan melancarkan Bulan Perkhidmatan Pembayar Cukai (BPPC) Tahun 2010 bagi sesi pertama bermula pada 1 April 2010 dan akan berakhir pada 30 April 2010. Program sesi pertama ini khusus kepada Pembayar Cukai individu yang mempunyai pendapatan daripada punca selain perniagaan dan mengemukakan borang BE atau M.

Tema BPPC Tahun 2010 ialah “Cukai di Hujung Jari Anda : *Jom e*”. Justeru LHDNM menyeru agar semua pembayar cukai melaksanakan tanggungjawab percukaian mereka dengan menggunakan perkhidmatan elektronik yang disediakan seperti e-Filing, e-Bayaran, e-Daftar, STAMPS (Sistem Taksiran dan Pembayaran Duti Setem), e-Kemaskini dan lain-lain perkhidmatan elektronik yang ditawarkan.

Sempena BPPC Tahun 2010 ini juga, LHDNM akan membuka kaunter-kaunter pengemukakan Borang BE secara e-Filing di semua cawangannya. Waktu operasi kaunter ini akan bermula pada jam 8.00 pagi dan akan berakhir pada jam 5.30 petang setiap hari. Lanjutan waktu operasi sehingga jam 6.00 petang hanya akan berlangsung pada minggu terakhir Bulan April 2010 iaitu mulai tarikh 26 sehingga 30 April 2010.

Pembayar cukai yang ingin hadir ke kaunter pengemukaan Borang BE secara e-filing ini dinasihatkan agar melakukan pengiraan cukai secara manual terlebih dahulu serta bersedia dengan dokumen-dokumen berkaitan untuk tuntutan pelepasan bagi memastikan tindakan pengisian e-Filing berjalan dengan lancar.

Sila layari laman web rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my untuk keterangan lanjut.

SEKIAN, TERIMA KASIH

Dikeluarkan oleh	:	Masrun bin Maslim Pegawai Perhubungan Awam Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Tarikh	:	31 Mac 2010
Nombor Telefon	:	03-6203 1380
Nombor Faks	:	03-6201 2434
Pusat Khidmat Pelanggan	:	1-300-88-3010

www.hasil.gov.my